

05/08/1999

10,000 dijangka hadir perhimpunan rakyat

MIRI, Rabu - Lebih 10,000 penduduk pelbagai kaum di bandar ini dijangka akan menghadiri perhimpunan rakyat bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dataran Kipas, dekat sini, malam esok.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijangka tiba di dataran itu jam 8.30 malam, selepas menghadiri majlis makan malam bersama pemimpin Barisan Nasional (BN), di Hotel Rihga Royal.

Dr Mahathir akan berucap pada perhimpunan itu yang akan disiarkan secara langsung menerusi RTM.

Turut berucap Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Timbalannya, Datuk Amar Dr George Chan Hong Nam.

Terdahulu, Perdana Menteri dan rombongan dijadual tiba di Lapangan Terbang Miri, pada jam 10 pagi esok dan akan diberikan sambutan tradisional penuh warna-warni.

Sejurus tiba, beliau yang dalam rangka lawatan kerja rasmi dua hari ke Sarawak, akan menghadiri perjumpaan Jawatankuasa BN Negeri dan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) parti komponen BN Negeri di Hotel Rihga Royal.

Selepas itu, beliau akan melancarkan Laman Malaysia-Ku dan menghadiri majlis makan tengah hari semua kaum di hotel sama.

Pemimpin negara itu juga dijadualkan merasmikan projek Jambatan Pujut 7 Tudan, berharga RM7 juta dan projek perumahan kos sederhana/rendah di Bandar Baru Permyjaya, kira-kira 25 kilometer dari sini.

Permyjaya dibangunkan sebuah firma tempatan, Naim Cendera Sdn Bhd, anggota kumpulan syarikat H & A Naim.

Bandar baru itu meliputi Taman Perindustrian Permyjaya seluas 70 hektar, Desa Pujut seluas 88 hektar serta Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Permyjaya.

(END)